

03/11/1998

Perangsang organik bantu pertingkat hasil

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PADA 1997 dengan keluasan 672,787 hektar kawasan sawah padi yang menghasilkan purata 3.162 setiap hektar, negara masih mengimport 500,000 tan metrik beras bernilai RM450 juta.

Beras yang menjadi makanan utama penduduk negara ini perlu diimport walaupun ia menyebabkan pengaliran keluar ringgit kerana permintaan terhadap beras di negara ini adalah 1.8 juta tan metrik.

Angka RM450 juta itu hanya membabitkan import saja dan tidak termasuk bahan makanan mentah lain seperti sayuran dan buah-buahan atau makanan siap proses yang jumlahnya berbilion ringgit.

Bagaimanapun, penggunaan perangsang organik tanaman jenama `Terus Maju', menyebabkan hasil padi berupaya ditingkatkan daripada 1.2 tan metrik kepada purata 4.362 tan metrik setiap hektar.

Berikutan itu, berdasar kepada 672,787 hektar kawasan sawah padi di seluruh negara, hasil padi berupaya ditingkatkan sebanyak 520,373 tan metrik. Jika berjaya, ia bukan setakat menghapuskan masalah bekalan tidak mencukupi, malah menjimatkan pertukaran mata wang asing sebanyak RM450 juta.

Anggaran itu hanya untuk tanaman padi, tetapi jika penggunaan Terus Maju yang dihasilkan Invigorant Maju Sdn Bhd - anak syarikat Kumpulan Maju - digunakan untuk pelbagai tanaman, ia mampu merubah sama sekali hasil pengeluaran makanan negara yang kebanyakannya bergantung kepada import.

Ketua Eksekutif Kumpulan Maju (Maju), Datuk Abu Sahid Mohamed berkata pihaknya yakin penggunaan Terus Maju secara meluas berupaya membantu negara mencapai tahap mampu diri dari segi pengeluaran beras.

"Hasil kajian membuktikan peningkatan pulangan dan pengurangan kos. Ini bermakna pendapatan petani akan meningkat dan memakmurkan masyarakat desa," katanya.

Terus Maju yang fungsinya mencergaskan semua jenis tanaman adalah produk yang dihasilkan di Malaysia dan dipatenkan di negara ini.

Ia dihasilkan daripada garam galian semula jadi dalam bentuk kompaun `lathanoid' yang selamat kepada manusia dan alam sekitar.

Mengikut Merck Index, iaitu indeks rujukan berwibawa berkaitan industri kimia, produk Terus Maju dua kali lebih selamat daripada garam makanan.

Tindakan pertama Terus Maju ialah mempercepatkan pertumbuhan dan kematangan tanaman, sekali gus mengurangkan risiko semasa pembesaran. Bagi tanaman padi, penuaian boleh dilakukan tiga hingga lima hari lebih awal, manakala cili boleh dituai 10 hingga 14 hari lebih awal.

Tindakan kedua ialah meningkatkan hasil dan berdasarkan kajian pengeluaran produk ini terhadap padi membuktikan peningkatan 10 hingga 35 peratus.

Tembakau, tebu, sayur kacang, keledak, timun, labu, cili serta tomato meningkat pula meningkat sehingga 50 peratus. Selain itu hasil tanaman juga lebih besar dan berat serta mempunyai warna yang lebih mendalam.

Terus Maju juga berkesan menghindar beberapa jenis penyakit tanaman seperti blast, sheath dan culm blight serta penyakit bintik-bintik hitam dan cokelat.

Tanaman juga berupaya menahan beberapa tekanan seperti turun naik suhu, kemarau, banjir dan cara jagaan tidak baik.

Ia berupaya mendegrasi atau menghurai sisa racun serangga tertentu, terutama racun serangga jenis organochlorinated.

Lebih 1,300 kajian berjaya mengesahkan ciri produk unik itu berupaya mengurangkan sisa racun serangga sehingga 98.6 peratus dengan purata

sebanyak 50 peratus.

Ia sekali gus menjadikan Terus Maju produk tunggal yang berupaya meningkatkan hasil, mutu selain memastikan hasil tanaman lebih selamat kepada pengguna.

Menurut Abu Sahid, kemampuan Terus Maju akan meningkatkan nilai hasil tanaman, terutama untuk eksport ke negara yang mengenakan syarat ketat terhadap sisa racun serangga hasil pertanian.

"Maju tidak berani mengesyorkan kegunaan produk Terus Maju tanpa kajian mendalam terlebih dahulu, tetapi kajian telah dilakukan sejak 1994 di seluruh negara."

"Hasil kajian mendapati peratusan peningkatan hasil padi mencapai 14 hingga 75 peratus dan berupaya meningkatkan hasil pelbagai tanaman sayur" katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya pandangannya selepas melancarkan produk itu di Langkawi baru-baru ini berkata, kemampuan Terus Maju nampak meyakinkan dan berpotensi untuk meningkatkan industri pertanian negara.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud yang turut hadir pula berkata, kementeriannya akan melaksanakan kajian terhadap keberkesanan produk itu dan menggunakannya jika ia terbukti berkesan.

(END)